

SULIT

3767/1

EKONOMI

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

NAMA: .....

TINGKATAN: .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK

---

MODUL KECEMERLANGAN SPM 2023  
SET 1

---

**EKONOMI**  
KERTAS 1  
1 JAM 15 MINIT

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan.*
3. *Jawab semua soalan dalam kertas objektif yang disediakan.*
4. *Calon dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*


---

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak.

3767/1

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 1 Rajah 1 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh isi rumah.



Rajah 1

Penyataan yang manakah betul tentang Y?

- A Barang yang dipilih memberi keuntungan kepada pengguna
  - B Menggunakan teknik yang dapat mengurangkan pengangguran
  - C Tindakan Y diambil akibat daripada pemilikan sumber ekonomi yang terhad
  - D Kesan tindakan Y yang diambil akan mengakibatkan isi rumah terpaksa melepaskan barang kedua terbaik
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

Sumbangan tenaga manusia yang produktif dari segi fizikal dan mental dalam proses pengeluaran.

Sumber di atas

- A Mampu menghadapi risiko yang tinggi
  - B Bebas membuat keputusan
  - C Mengikut arahan majikan
  - D Mendapat untung
- 3 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan masalah asas yang dihadapi oleh Syarikat Coco Sdn. Bhd..

Syarikat Coco Sdn. Bhd. telah mengeluarkan pelbagai jenis coklat untuk pasaran tempatan dan sekitar negara Singapura.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Coco Sdn. Bhd.?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
  - II Berapa yang hendak dikeluarkan
  - III Bagaimana hendak dikeluarkan
  - IV Untuk siapa hendak dikeluarkan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

4. Pernyataan yang manakah merujuk kepada peranan kerajaan dalam sistem ekonomi di Malaysia?

- I Maksimumkan untung dan kebajikan
- II Mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat
- III Merapatkan jurang pendapatan penduduk
- IV Mengawal harga barang dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Pernyataan yang manakah **benar** tentang ciri sistem ekonomi pasaran bebas?

- A Intensif buruh diutamakan dalam pengeluaran
- B Pihak swasta tidak berkuasa dalam aktiviti ekonomi
- C Kerajaan berkuasa mutlak terhadap barang yang dikeluarkan
- D Harga barang ditentukan melalui kuasa permintaan dan penawaran


6. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan dua jenis barang.

Kenaikan harga barang M akan menyebabkan kuantiti permintaan terhadap barang S akan berkurangan.

Barang M dan S di atas merujuk kepada

- A Kopi dan teh
- B Gula dan garam
- C Telefon pintar dan komputer riba
- D Mesin pencetak dan kartrij dakwat

7. Rajah 2 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi barang Y.




Rajah 2

Apakah yang berlaku di titik E?

- A Berlaku lebihan penawaran dalam pasaran
- B Berlaku lebihan permintaan dalam pasaran
- C Berlaku ketidakseimbangan dalam pasaran
- D Keseimbangan pasaran dicapai pada harga RM10

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

8 Rajah manakah berkaitan dengan kesan penurunan kos pengeluaran?



9 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)
2	8
4	Q

Jadual 1

Jika harga meningkat daripada RM2 kepada RM4, berapakah nilai Q jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?

- A 10 unit
- B 12 unit
- C 16 unit
- D 24 unit

- 10 Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
P	10	5
Q	5	20

Jadual 2

Penyataan yang manakah **betul** tentang maklumat dalam jadual tersebut?

- A Contoh barang Q ialah getah
  - B Jenis keanjalan barang P ialah anjal
  - C Penurunan harga barang Q akan meningkatkan hasil pengeluar
  - D Apabila harga barang P naik sebanyak 2%, kuantiti diminta turun sebanyak 10%
- 11 Apakah yang dimaksudkan dengan keanjalan harga penawaran?
- A Tindak balas kuantiti akibat daripada perubahan tingkat teknologi firma
  - B Tindak balas harga akibat daripada peningkatan permintaan pengguna
  - C Darjah tindak balas perubahan harga yang ditawarkan akibat daripada perubahan kuantiti barang itu
  - D Darjah tindak balas perubahan kuantiti yang ditawarkan akibat daripada perubahan harga barang itu
- 12 Antara berikut, kaedah manakah yang dilakukan oleh bank pusat untuk menstabilkan nilai mata wang?
- I Mewujudkan sandaran minimum dengan memperuntukkan 80.59% dalam bentuk emas
  - II Menjual Ringgit Malaysia dan membeli Dolar Amerika ketika nilai Ringgit Malaysia rendah
  - III Membuat pelaburan di dalam dan luar negara bagi meningkatkan pendapatan kepada negara
  - IV Menggunakan alat dasar kewangan bagi memastikan kadar inflasi berada pada paras terkawal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Ekonomi K1 Perak 2023

13 Berikut adalah kaedah pembayaran oleh bank perdagangan. Yang manakah benar?

	Debit langsung	Pindahan kredit
A	Digunakan untuk membayar sewa rumah, astro dan ansuran kereta	Bank memindahkan gaji kepada pemegang akaun semasa
B	Pelanggan mengarahkan bank membuat pembayaran yang tidak tetap	Pelanggan membuat bayaran gaji kepada pekerja secara tunai
C	Bank memindahkan daripada akaun pelanggan yang membayar bil elektrik	Pembayaran gaji dan elaun pekerja oleh majikan
D	Bayaran bulanan adalah tidak tetap	Potongan bulanan adalah tetap

14 Maklumat di bawah berkaitan dengan Cik Adelia.

Cik Adelia merupakan seorang pegawai farmasi di Hospital Keluargaku di sebuah bandar dan menerima pendapatan sebanyak RM4 500 sebulan. Namun begitu, beliau meletakkan jawatan dan kini bekerja sebagai seorang guru tadika di kampungnya.

Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang mempengaruhi Cik Adelia membuat keputusan tersebut?

- I Jarak
- II Kepuasan kerja
- III Prospek pekerjaan
- IV Kelayakan akademik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan individu.

Encik Anuar bekerja sebagai kerani kewangan di sebuah bank. Dia membuat pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera. Dia menyewa sebuah gerai untuk menjual cenderahati dengan kadar sewa RM400 sebulan.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Anuar?

- I Upah
  - II Dividen
  - III Faedah
  - IV Sewa
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

16 Maklumat di bawah berkaitan sejenis kaedah pembayaran.

Encik Malek telah membeli satu set perabot dengan bayaran ansuran RM200 sebulan selama 2 tahun.

Mengapakah Encik Malek memilih kaedah pembayaran tersebut?

- I Harga lebih murah
- II Menikmati diskaun harga
- III Meringankan beban kewangan
- IV Menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Antara berikut, manakah pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi?

- A Emas dan simpanan tetap
- B Emas dan urus niaga pertukaran asing
- C Simpanan tetap dan sekuriti kerajaan
- D Sekuriti perniagaan dan urus niaga pertukaran asing

18 Penyataan yang manakah **benar** tentang input berubah dalam fungsi pengeluaran jangka pendek sesuatu barang?

- A Tidak wujud apabila output sifar
- B Wujud dalam jangka pendek sahaja
- C Contoh input berubah ialah tapak kilang
- D Tidak berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

19 Jadual 3 menunjukkan hubungan antara jumlah output dengan kos.

Jumlah Output (unit)	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)
1	200	30
2	200	60
3	200	90

Jadual 3

Berapakah kos purata pada output ke-2?

- A RM130
- B RM200
- C RM260
- D RM300

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

20 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Jana Utama.

Syarikat Jana Utama mengeluarkan 9500 pasang kasut dan menjualnya dengan harga RM48 sepasang.

Kos pengeluaran syarikat ialah:

Kos bahan mentah	RM92 400
Upah buruh	RM42 800
Sewa bangunan	RM16 500
Bil elektrik, air dan telefon	RM18 200

Berapakah jumlah untung Syarikat Jana Utama pada bulan tersebut?


- A RM169 900
- B RM286 100
- C RM350 800
- D RM456 000

21 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor peningkatan produktiviti?

- I Matlamat dan visi organisasi yang jelas
- II Pemasaran produk yang meluas
- III Penghasilan output yang pelbagai
- IV Penyelenggaraan mesin berkala

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Gambar di bawah menunjukkan sejenis barang yang disediakan oleh kerajaan.




Berikut adalah tujuan kerajaan menyediakan barang tersebut, **kecuali**

- A Kerajaan berperanan sebagai pengeluar barang awam
- B Tiada pengecualian penggunaan
- C Hanya dikenakan bayaran yang sedikit kepada golongan B40
- D Merupakan sumbangan sosial kerajaan kepada rakyat



- 23 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal kesan eksternaliti negatif?
- Memberi subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
  - Memusatkan kawasan perindustrian di luar kawasan perumahan
  - Mengenakan cukai terhadap produk yang memudaratkan kesihatan
  - Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan
- 24 Pengangguran struktur berlaku disebabkan oleh pekerja
- Diberhentikan semasa kemelesetan ekonomi
  - Hilang pekerjaan kerana sikap memilih kerjaya
  - Lepaskan jawatan untuk dapatkan pekerjaan baharu
  - Miliki kemahiran yang tidak bersesuaian
- 25 Penyataan yang manakah berkaitan dengan cukai langsung?
- Perusahaan Batik Kak Mel dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
  - Puan Hidayah membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
  - Koperasi Jana Utama membayar cukai atas keuntungan yang diperolehi
  - Encik Akil membayar cukai kepada agensi pekerja asing
- 26 Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- Belanja menyiapkan klinik kesihatan di Manong, Kuala Kangsar
  - Agihan subsidi alat tangkapan ikan kepada nelayan di Pantai Remis
  - Membayar kos penyelenggaraan makmal komputer di SMK Selinsing
  - Serahan kepada kerajaan Perak untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Taiping
- 27 Maklumat di bawah menunjukkan tindakan bank pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.



Pasangan yang manakah **betul** tentang pelaksanaan tindakan bank pusat tersebut?

	Dasar kewangan	Tindakan
A	Menguncup	Kurangkan nisbah rizab berkanun
B	Mengembang	Jual surat jaminan kerajaan
C	Menguncup	Longgarkan syarat sewa beli
D	Mengembang	Turunkan kadar faedah atas pinjaman

- 28 Penyataan yang manakah **betul** berkaitan peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
- Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong
  - Pembukaan lapangan terbang baharu
  - Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi
  - Infrastruktur pengangkutan yang terancang

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

29 Antara berikut, yang manakah tujuan kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?

- I Memperbaiki imbalan pembayaran
- II Menambahkan pendapatan negara
- III Menawarkan pelbagai pilihan kepada pengguna tempatan
- IV Melindungi industri muda tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Situasi yang manakah menunjukkan contoh eksport tak nampak negara?

- A Farina Logostik, salah sebuah firma dari Singapura mendapat kontrak membina pelabuhan di Johor
- B Encik Shukri ditawarkan untuk menyambung pengajian di University of Seoul, Korea
- C Azilah Beauty memasarkan produk kecantikan di ekspo perniagaan China
- D Encik Esteban Solari menginap di Hotel Taiping Perdana semasa melancong ke Perak

31 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbalan Akaun Semasa Malaysia catat lebih lebih tinggi RM26.1 bilion pada suku ketiga 2020.

Penyataan yang manakah **betul** tentang keadaan tersebut?

- A Nilai ringgit cenderung turun
- B Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C Penawaran ringgit melebihi permintaan ringgit
- D Aliran keluar wang dari dalam negara bertambah

32 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
Disember 2019	USD1= RM3.80
Januari 2020	USD1= RM4.10

Firma Y mengimport suatu barang dari Amerika Syarikat bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2019, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2020.

Pasangan yang manakah **betul** tentang kesan kepada Firma Y?

	Untung / Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	15 000.00
B	Untung	962.80
C	Rugi	962.80
D	Rugi	15 000.00

33 Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila

- A Nilai mata wang tinggi di pasaran
- B Jumlah eksport negara meningkat
- C Cukai import dari luar negara menurun
- D Pemindahan modal ke luar negara merosot

Soalan 34 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Penyataan I	Penyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Hubungan antara harga dengan kuantiti diminta adalah songsang.  
 II Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan menunjukkan hubungan songsang.
- 35 I Semakin tinggi harga sesuatu barang, semakin tinggi kuantiti yang ditawarkan.  
 II Hubungan positif ditunjukkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- 36 I Kehendak adalah sesuatu yang dipenuhi terlebih dahulu.  
 II Kehendak manusia terhad dan berbeza antara individu.
- 37 I Pengeluaran ialah suatu transformasi input kepada barang perantaraan atau barang akhir.  
 II Pengeluaran menggabungkan pelbagai input tetap untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
- 38 I Untung adalah pulangan kepada usahawan kerana sanggup menanggung risiko dalam proses pengeluaran.  
 II Untung diperoleh apabila jumlah kos melebihi jumlah hasil.
- 39 I Inflasi berlaku apabila tingkat harga umum mengalami peningkatan secara berterusan.  
 II Peningkatan inflasi menyebabkan kadar pengangguran dalam negara menurun.
- 40 I Globalisasi merupakan proses interaksi dan integrasi antara manusia, syarikat dan kerajaan pelbagai negara.  
 II Penggunaan kaedah komunikasi baharu merupakan satu ciri globalisasi.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT

3767/1